

# **BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NASIONAL (NKRA) PENDIDIKAN**

# Latar Belakang

1. Semasa pengumuman barisan Kabinet baru oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 9 April 2009, beliau telah menegaskan supaya setiap Menteri akan diukur prestasi pencapaian berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, pada 28 April 2009, beliau telah mengumumkan KPI akan dijadikan piawai kepada pencapaian Menteri serta anggota pentadbiran dan penjawat awam. KPI merupakan amalan penting dalam pengurusan prestasi untuk menilai dan mengukur sasaran yang ditetapkan oleh sesuatu organisasi seperti Kementerian dan agensi-agensi secara objektif. KPI diwujudkan supaya membolehkan rakyat menilai perkhidmatan secara menyeluruh dari aspek kuantitatif dan kualitatif.
2. Pada 11 Julai 2009, YAB Perdana Menteri telah pun mengumumkan enam bidang NKRA iaitu i) Mengurangkan Kadar Jenayah, ii) Memerangi Rasuah, iii) Meluaskan Akses Kepada Pendidikan berkualiti dan Berkemampuan, iv) Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah, v) Memperkasa Prasarana Luar Bandar dan pedalaman dan vi) Menambah Pengangkutan Awam dalam jangka masa sederhana.
3. Di bawah NKRA Pendidikan iaitu meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, empat sub NKRA telah dikenalpasti iaitu i) Prasekolah, ii) LINUS, iii) Sekolah Berprestasi Tinggi dan iv) Tawaran Baru kepada Pengetua/Guru Besar.
4. NKRA telah dijadikan sebagai salah satu teras dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Januari 2010 yang lepas. Tujuan mengadakan GTP kepada rakyat adalah untuk memperkasakan sistem pencapaian kepada rakyat dan melaksanakan keputusan pantas dan berimpak bagi mencapai Wawasan 2020.

# **Mengapa GTP dan NKRA Pendidikan dilaksanakan**

GTP dilaksanakan kerana didapati bahawa walaupun Malaysia telah menunjukkan kemajuan bagi mencapai Wawasan 2020 tetapi kadar pertumbuhan Negara adalah dalam tahap membimbangkan dan kadar yang lambat khususnya dalam perkara-perkara berikut :

- a) Ekonomi
- b) Sosial

Dalam bidang Pendidikan, NKRA Pendidikan telah diperkenalkan kerana perkara -perkara berikut :

- > Selepas lebih 50 tahun merdeka, Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dalam bidang pendidikan. Kita telah mencapai kadar penyertaan pendidikan rendah yang universal dan peningkatan penyertaan pendidikan menengah yang menggalakkan.
- > Pencapaian pendidikan di Malaysia menunjukkan penurunan berbanding Singapura and Hong Kong semenjak beberapa tahun kebelakangan ini.
- > Perkara yang amat membimbangkan jurang pencapaian pelajar semakin lebar,, Contohnya . ~20% pelajar Malaysia tidak mencapai tahap penanda aras yang minimum TIMSS untuk Sains dan Matematiks pada tahun 2007 berbanding dengan penanda aras minimum pada tahun ~5-7% pada tahun '03.
- > Akses kepada pendidikan berkualiti lebih bergantung kepada pendapatan keluarga.
- > Penurunan dalam kualiti pendidikan secara keseluruhan memerlukan perhatian kerana perkara ini akan menyumbang kepada pembangunan modal insan Negara dan seterusnya pembangunan ekonomi Negara.

# Aspirasi Pendidikan

- Aspirasi pendidikan di Malaysia untuk meningkatkan keberhasilan pelajar dan menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti kepada semua pelajar di seluruh negara.
- Peningkatan pencapaian pelajar amat krusial bagi membangunkan modal insan bagi menghasilkan tenaga kerja bagi Malaysia sebagai negara membangun pendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
- Memastikan pendidikan berkualiti dapat dicapai oleh semua bagi menambahbaik taraf kehidupan penduduk Malaysia
- Dalam konteks ini, initiatif yang dirancang dalam makmal ini adalah sebagai langkah pertama bagi mencapai aspirasi negara di samping itu langkah-langkah seterusnya akan dikenalpasti bagi mencapai hasrat negara.

- ⦿ Atas aspirasi ini maka, 4 sub NKRA Pendidikan telah dipilih kerana perkara-perkara berikut :

a) **Prasekolah**

Memberikan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti kepada semua kanak-kanak kerana asas yang kukuh kepada pendidikan awal dapat memastikan peningkatan minat dan kesinambungan kepada pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. Dapatan kajian mendapati sekiranya seseorang kanak-kanak mempunyai kemahiran yang tinggi daripada peringkat awal pendidikan, maka peluang untuk berjaya akan semakin meningkat.

b) **Penguasaan 3 M melalui Program Literasi dan Numerasi**

Sub NKRA LINUS yang diperkenalkan kerana didapati pada tahun 2008, masih terdapat lebih kurang 13% (54,000) murid Tahun 1 yang tidak menguasai 2M iaitu Membaca dan Menulis. Perkara ini dianggap amat serius kerana apabila melangkah ke Tahap 11, masih terdapat murid –murid yang tidak menguasai 3M – Membaca, Menulis dan Mengira. Dapatan menunjukkan murid-murid yang tidak menguasai 3M akan menyumbang kepada peningkatan kadar keciciran di sekolah, selain meningkatkan masalah disiplin. Selain itu, murid-murid yang tidak menguasai 3M dari peringkat awal akan menyebabkan berlakunya kegagalan akademik secara kumulatif dan perkara ini amat sukar diperbaiki apabila berada di peringkat lebih tinggi. Menyedari perkara ini, maka penekanan diberikan kepada penguasaan 3M untuk murid Tahun 1 sehingga Tahun 3. Program LINUS diperkenalkan supaya masalah murid yang tidak menguasai 3M akan dapat diatasi dan saringan yang dijalankan dalam program ini adalah untuk mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi oleh seseorang kanak-kanak sama ada mempunyai masalah pembelajaran atau murid keperluan khas.

c) **Sekolah Berprestasi Tinggi**

Sub NKRA ini diadakan adalah untuk memastikan sekolah-sekolah yang telah cemerlang serta mempunyai etos dan watak diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Selain itu pengiktirafan ini yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah sedia cemerlang dijadikan sebagai pemangkin dan benchmark kepada sekolah-sekolah lain untuk melonjakkan kecemerlangan ke peringkat yang paling tinggi di peringkat dalam dan luar Negara.

d) **Tawaran Baru kepada Pengetua dan Guru Besar**

Sub NKRA ini diperkenalkan sebagai peransang kepada Pengetua dan Guru Besar untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah masing-masing. Dapatan kajian yang dijalankan oleh McRel mendapati bahawa pemimpin sekolah mempunyai impak yang tinggi ke atas pencapaian murid. Pemimpin sekolah yang berkesan boleh meningkat pencapaian pelajar sebanyak lebih 0.1% sisihan piawai. Penekanan diberikan kepada pencapaian Pengetua dan Guru Besar supaya Pengetua dan Guru Besar menyedari kepentingan mereka dalam peningkatan prestasi murid-murid. Oleh itu, bagi Pengetua dan Guru Besar yang berjaya melonjakkan kecemerlangan sekolah, maka ganjaran kewangan dan bukan kewangan diberikan sebagai menghargai usaha yang telah mereka laksanakan.

Bagi sekolah-sekolah yang tidak menunjukkan prestasi yang cemerlang, maka Kerajaan akan memperkenalkan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (School Improvement Program- SIP) sebagai kaedah untuk membantu sekolah-sekolah ini meningkatkan prestasi. SIP merupakan program pembangunan daripada peringkat bawah ke atas ( bottom-up) yang mana pihak KPM memberi bantuan mengikut keperluan sekolah dan tidak lagi mempratikkan penyelesaian “ one-size fits all”.

# NKRA Pendidikan

- Dalam NKRA Pendidikan, 4 sub NKRA telah dikenalpasti serta KPI yang ditetapkan dijelaskan seperti berikut :

## a) Prasekolah



- i. Meningkatkan kadar penyertaan kanak-kanak berumur (4+ dan 5+) kepada 87% menjelang 2012; serta meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dengan menjadikan prasekolah swasta dan agensi-agensi lain sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Dalam memastikan pencapaian sasaran ini, Kerajaan telah menetapkan 7 strategi utama iaitu
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Prasekolah Kebangsaan
- iii. Melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
- iv. Menyeragamkan bantuan kepada murid prasekolah KPM, KEMAS dan JPNIN.
- v. Meningkatkan kualiti guru dan pembantu guru
- vi. Menambahkan bilangan prasekolah di kawasan miskin bandar, luar bandar dan pedalaman.
- vii. Meningkatkan perkongsian pintar kerajaan – swasta.
- viii. Mewujudkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan

## b) Literasi dan Numerasi



Setiap kanak-kanak menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas mengikuti 3 tahun pendidikan rendah pada akhir tahun 2012. Bagi memastikan sasaran ini dicapai, Kementerian Pelajaran akan mewujudkan jawatan Fasilitator LINUS (Fasilinus) di semua PPD bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan LINUS serta membantu guru-guru LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran.

### c) Sekolah Berprestasi Tinggi



Mewujudkan Sekolah Berprestasi Tinggi yang mempunyai etos, karakter dan identiti tersendiri. Sekolah-sekolah ini akan melonjakkan kecemerlangan pelajar ke peringkat paling tinggi. Sasaran yang ditetapkan adalah wujud sebanyak 100 buah SBT pada tahun 2012.

## d) Tawaran baru kepada Pengetua dan Guru Besar



Memperkenalkan penilaian berasaskan pencapaian untuk menilai Pengetua dan Guru Besar (PGB) dengan menawarkan ganjaran yang menarik kepada PGB yang melepas sasaran serta membantu PGB yang lemah. Sasaran Kerajaan adalah untuk memastikan seramai 2 peratus guru mendapat ganjaran pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada 4 peratus pada tahun 2012.

# **Pencapaian NKRA Pendidikan Sehingga Mac 2010.**

Semenjak dilancarkan NKRA Pendidikan, bermula pada Januari 2010, beberapa kejayaan telah dicapai seperti berikut :

## **a) Prasekolah**

Daripada 1353 yang dirancang untuk beroperasi pada tahun 2010, sebanyak 987 buah telah pun beroperasi mengikut pecahan berikut :

<b>Agensi</b>	<b>Rancang</b>	<b>Capai</b>
KPM	315	315 (100%)
JPNIN	50	50 (100%)
KEMAS	500	209 (42%)
Swasta	488	426 (86%)

Masalah utama yang dihadapi oleh KEMAS adalah kerana pada masa ini, guru-guru untuk kelas prasekolah sedang mengikuti latihan. Walau bagaimanapun, pihak KEMAS menjelaskan bahawa masalah tersebut akan diselesaikan pada bulan Jun 2010.

Selain itu, sebanyak 4 kelas prasekolah (tambahan) akan dibina di rumah panjang Sarawak dan 4 lagi akan dibina di Sabah.

## **b) Literasi dan Numerasi (LINUS)**

Saringan awal LINUS telah dijalankan di seluruh Negara pada 8 - 15 Mac 2010 yang lepas. Sehingga 9 April 2010, didapati lebih kurang 89 peratus sekolah rendah yang telah mengisi maklumat pencapaian saringan awal LINUS. Daripada jumlah ini didapati bahawa 37 peratus murid Tahun 1 melepassi tahap literasi yang ditetapkan dan 46 peratus Tahun 1 melepassi tahap numerasi.

## **c) Sekolah Berprestasi Tinggi**

Sebanyak 20 buah Sekolah Berprestasi Tinggi telah diumumkan pada 29 Januari 2010. Daripada jumlah ini, 14 buah adalah Sekolah Menengah dan 6 buah adalah Sekolah Rendah.

## **d) Tawaran Baru kepada Pengetua dan Guru Besar**

Hasil daripada sub NKRA ini, semua sekolah rendah dirankingkan kepada 7 band yang mana Band 1 terdiri sekolah – sekolah yang cemerlang dan mencapai sasaran manakala Band 5 hingga 7 ialah sekolah-sekolah yang lemah ataupun sekolah berprestasi rendah. Daripada 7616 buah sekolah rendah yang dirank didapati terdapat sebanyak 718 buah sekolah dalam band 5 hingga 7.

Ekoran daripada bilangan sekolah yang tinggi dalam band 5 hingga 7, maka KPM telah membangunkan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (Schools Improvement Program ) bagi membantu sekolah-sekolah meningkatkan prestasi masing-masing.

Bagi sekolah menengah, ranking sekolah masih dalam dalam analisisi dan akan diumumkan pada bulan Jun.

Disediakan oleh:

Dr. Norliza Zakuan

Pegawai KPI Kepada YAB Menteri Pelajaran

dan diterbitkan untuk siaran oleh Unit Komunikasi Korporat, KPM.